

DASAR PELAKSANAAN KEGIATAN KOKURIKULUM SEKOLAH

1. Kegiatan kokurikulum sekolah adalah sebarang kegiatan yang dirancang lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah yang memberikan peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dimuridi dalam bilik darjah.
2. Kegiatan kokurikulum merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur, kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari aspek jasmani, rohani, mental dan emosi.
3. Kegiatan kokurikulum adalah sebahagian daripada kurikulum maka pelaksanaannya di sekolah adalah wajib.
4. Penyertaan murid dalam kegiatan dan aktiviti kokurikulum termasuk sukan di sekolah adalah wajib dan kehadiran murid mestilah direkodkan.
5. Kegiatan kokurikulum di sekolah meliputi kegiatan dalam persatuan yang ditubuhkan di sekolah daripada kategori berikut:
 - (a) mata pelajaran yang diajar di sekolah sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997.
 - (b) minat dan rekreasi
 - (c) sukan dan permainan
 - (d) badan beruniform atau apa-apa persatuan lain yang diluluskan oleh Pendaftar.
6. Setiap murid hendaklah mengambil bahagian sekurang-kurangnya dalam salah satu gerak kerja pakaian seragam (badan beruniform), satu kegiatan persatuan atau kelab dan satu kegiatan sukan atau permainan. Seberapa yang boleh, peningkatan penyertaan murid dalam kegiatan pakaian seragam hendaklah diusahakan.
7. Pelaksanaan kegiatan kokurikulum di sekolah hendaklah berasaskan prinsip penyertaan beramai-ramai tanpa ada unsur diskriminasi atau paksaan dan yang bercanggahan dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Perlembagaan Negara.
8. Bentuk aktiviti menekankan kerja amal untuk masyarakat setempat dan gerak kerja yang menekankan integrasi dan perpaduan kaum, ketatanegaraan, moral dan sebagainya yang sesuai bagi pendidikan menyeluruh dan pembentukan keperibadian.
9. Penglibatan dan kerjasama agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta masyarakat umumnya dalam penganjuran dan pelaksanaan kegiatan kokurikulum di sekolah, khasnya yang selaras dengan konsep "Sekolah Sebagai Institusi Masyarakat" adalah digalakkan.
10. Setiap murid bergiat secara aktif dalam sekurang-kurangnya satu jenis sukan seperti mana yang diwartakan dalam Dasar 1 Murid 1 Sukan.
11. Bilangan perjumpaan perlu sekurang-kurangnya 12 kali setahun bagi pasukan badan beruniform dan sekurang-kurangnya 12 kali bagi kelab dan persatuan yang lain dan memakan masa 90 minit setiap kali perjumpaan dan pada sesi 2021 akan dilaksanakan pada sesi pagi dan petang.
12. Kehadiran murid dalam aktiviti kokurikulum mestilah mencapai 70% atau sekurang-kurangnya 12 kali bagi pasukan badan beruniform dan 12 kali bagi kelab dan persatuan yang lain bagi melayakkannya menerima sijil atau dicatat dalam Sijil Berhenti Sekolah atau Surat Akuan.
13. Setiap aktiviti mesti mendapat kelulusan pihak sekolah atau pejabat pendidikan daerah dan kebenaran pihak ibubapa/penjaga disertakan dengan Surat/Akuan Kebenaran Ibubapa/Penjaga.
14. Keselamatan murid dalam setiap aktiviti kokurikulum perlu diutamakan dan kehadiran guru penasihat adalah wajib. Peraturan dan disiplin sekolah perlu dipatuhi dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan dengan penganjuran sekolah.

15. Sekolah akan memberi penghargaan kepada guru dan murid atau orang perseorangan atas penyertaan, penglibatan dan pencapaian masing-masing dalam bidang kokurikulum di sekolah. "Penghargaan tidak hanya terbatas kepada kejayaan/kemenangan semata-mata, tetapi hendaklah juga diberi kepada murid-murid yang mempunyai sifat disiplin yang baik." (*Subperkara 8.2.4 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1985*)
16. Penilaian prestasi kokurikulum murid dilaksanakan sepanjang tahun secara menyeluruh bagi setiap kategori berdasarkan aspek kehadiran(50%), pencapaian(20%), penglibatan(20%) dan perjawatan(10%). Penilaian setiap aspek direkod dan dinilai secara jujur, telus dan adil oleh guru penasihat berkenaan.
17. Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) dilaksana dan direkodkan sepanjang tahun bagi memberikan peluang yang lebih luas dan fleksibel kepada murid untuk membangunkan diri dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.
18. Gred Purata Sekolah (GPS) diunjurkan dengan peningkatan KPI sebanyak 0.02(GPS) setiap tahun mulai 2019 berdasarkan TOV tahun 2018.